

Lengkapkan teks dengan kata ganda.

Bilik Muzik Warisan



Sekolah Seha mempunyai sebuah bilik muzik. Bilik itu diberikan nama Bilik Muzik Warisan. Selain alat muzik biasa, _____ (macam) alat muzik tradisional turut disimpan di bilik itu.

Bilik muzik itu dibuka kepada _____ (murid) pada waktu rehat. Seha dan _____ nya (rakan) suka ke situ. Walaupun bilik itu tidak berkunci, mereka tetap menunggu kehadiran guru bertugas sebelum memasuki bilik itu.

Mereka seronok bermain dengan _____ (alat) muzik di situ. Mereka ber _____ (hati) ketika menggunakan alat itu. Walaupun ada yang tidak pandai, namun mereka tidak _____ (segar) untuk mencuba. Sebab itulah, _____ (riuh) dan _____ (hiruk) suasana di bilik itu pada waktu rehat.

Peralatan muzik di Bilik Muzik Warisan terjaga dengan baiknya walaupun dikunjungi oleh ber _____ (belas) murid pada setiap waktu rehat. Mereka bukan sahaja menjaga peralatan muzik tersebut, malah ber _____ (sama) menjaga keadaan bilik itu.